

## Lebih 80 syarikat tawar peluang kerjaya dalam Hari Kerjaya UMP



Kuantan, 30 Mac- Lebih 80 syarikat peluang kerjaya dalam penganjuran Program Temuduga Terbuka SL1M Peringkat Zon Pantai Timur sempena UMP Career Fair 2017 yang berlangsung selama dua hari mulai 29 Mac di Kompleks Sukan UMP Gambang. Berjalan serentak, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) ini membantu para graduan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka setelah tamat pengajian serta suatu inisiatif sokongan bagi menghubungkan para graduan UMP dengan bakal majikan.

Hadir merasmikan program Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Sekretariat Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M), Jabatan Perdana Menteri, Hajjah Norashikin Datuk Haji Ismail dan Naib Canselor UMP, Profesor dato' Dr. daing Nasir Ibrahim.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, UMP akan memastikan para graduannya memiliki daya saing yang tinggi dan kompetensi yang relevan bagi menjamin kebolehpasaran mereka di alam kerjaya. Untuk itu, pelbagai langkah dan inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 dalam konteks meningkatkan kebolehpasaran graduan Universiti ini sejajar dengan hasrat KPT.



"Penubuhan Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya (CPDC) dipertanggungjawabkan secara strategik dalam konteks perkongsian pintar, pembangunan kapasiti, perancangan laluan kerjaya, latihan dan bimbingan kepada para mahasiswa bagi menyediakan mereka sebagai graduan yang berketerampilan.

"Universiti melihat kepentingan libatsama pihak industri dan alumni UMP dalam usaha pengembangan dan peningkatan daya saing graduan bagi memenuhi ekspektasi dan keperluan pasaran pada hari ini. Kita menyedari penguasaan teori dan pengetahuan akademik semata-mata bukanlah satu jaminan mutlak kebolehpasaran seseorang graduan jika tidak disertai dengan aspek kompetensi lain yang lebih menjurus kepada kemahiran komunikasi, pengurusan organisasi, minda keusahawanan dan disiplin diri," katanya.

Begitu juga dengan aspek kompetensi lain yang mencabar para mahasiswa untuk lebih proaktif dalam pelbagai program dan aktiviti tambahan di luar dewan kuliah yang bernilai tambah kepada peningkatan daya saing dan pembangunan kapasiti mereka sebagai calon graduan yang berketerampilan.



Malahan, inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh KPT melalui pelaksanaan dasar penilaian Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) adalah manifestasi komitmen kerajaan untuk memastikan graduan yang dihasilkan oleh semua Universiti Awam memiliki kualiti yang memenuhi ekspektasi pasaran dan industri. Dalam kerangka spider web iCGPA ini, sebanyak lapan atribut telah dikenalpasti iaitu Pengetahuan, Kemahiran Praktikal, Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial, Etika dan Nilai, Komunikasi, Kemahiran Penyelesaian Masalah, Pengurusan Maklumat dan Keusahawanan.

Selain itu, penilaian secara holistik ini membolehkan pihak universiti menentukan aras daya saing mahasiswa secara lebih realistik dan mengambil langkah-langkah konstruktif yang relevan bagi menambahbaik kualiti mahasiswa yang berkenaan secara khusus berdasarkan kelapan-lapan atribut ini.

Katanya, usaha gigih pelbagai pihak di UMP, khususnya pihak fakulti, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Persatuan Alumni Graduan UMP dan CPDC, UMP mencapai kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 96 peratus iaitu peratusan tertinggi dalam kalangan semua Universiti Awam di Malaysia sebagaimana hasil Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2016 oleh KPT.



Beliau mengharapkan usaha ini akan terus dipergiat lagi ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan di Malaysia secara proaktif bagi menastikan negara ini menikmati manfaat daripada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bakat-bakat muda ini, sekaligus menyumbangkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara secara mampan dan mampan.

Sempena penganjuran ini pelbagai program yang mengisi UMP Career Fair 2017 ini seperti ceramah industri, seminar Finish Up & Move On (FUMO), sesi mock interview, boot camp dan lain-lain melibatkan kerjasama syarikat seperti RP Chemicals, Kaneka Malaysia, TT Electronik, Red One Network, Schlumberger, Great Eastern Life, TalentCorp dan CIMB Bank.

SL1M di bawah kelolaan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang dilaksanakan dengan usaha sama oleh pihak Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat swasta yang lain berfokuskan graduan ijazah sarjana muda dan ke atas yang belum mendapat pekerjaan terutamanya yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah dan tinggal di luar bandar. SL1M menganjurkan Program Temu Duga Terbuka di setiap Zon (Zon Tengah, Zon Utara, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Sabah dan Sarawak) dan pada kali ini mensasarkan pencari kerja dan graduan dari seluruh Pantai Timur termasuk Kelantan, Terengganu dan Pahang. Antara aktiviti-aktiviti menarik adalah Temu Duga Terbuka, Coffee Talks with Industries dan Resume Clinics serta Sesi Motivasi bersama Selebriti dari Kumpulan Zero Maharaja Lawak Mega dan Faizal Tahir.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 30-03-2017, 17:06:35